

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	25 November 2015

Perhimpunan sayap UMNO dirasmi ketua

Oleh HERMAN HAMID
dan KAMIL MASLIH
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 24 NOV.

MAJLIS Tertinggi (MT) UMNO memutuskan perasmian Perhimpunan Agung Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri pada bulan depan akan dilakukan oleh ketua sayap masing-masing.

Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, MT yang bermesyuarat hari ini mengambil keputusan tersebut berdasarkan cadangan daripada sayap-sayap terlibat.

Kata Perdana Menteri, ini memandangkan kepemimpinan parti mahu memastikan Perhimpunan Agung UMNO kali ini berlangsung dalam suasana baik dan positif.

"Maka antara keputusan yang kita buat bahawa perhimpunan Wanita, Pemuda dan Puteri kali ini akan dirasmikan oleh ketua sayap masing-masing," katanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat tersebut di bangunan Parlimen di sini.

Yang hadir sama Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Setiausaha Agung, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, Ketua Pergerakan Wanita, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, Ketua Pemuda, Khairy Jamaluddin, Ketua Puteri, Datuk Mas Ermeyati Samsuddin serta Ketua Penerangan, Datuk Ahmad Maslan.

Walau bagaimanapun, Timbalan Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal tidak hadir.

Perhimpunan Agung UMNO 2015



NAJIB TUN RAZAK dan Ahmad Zahid Hamidi mendengar sesuatu yang dinyatakan Tengku Adnan Tengku Mansor (kanan) sebelum bermulanya Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Parlimen, semalam. Turut kelihatan Setiausaha Kerja UMNO, Datuk Abdul Rauf Yusoh (dua dari kiri). - UTUSAN/MOHD AZIM ABD RAHMAN



HAMIDAH OSMAN

dijadualkan berlangsung dari 8 hingga 12 Disember ini bermula dengan majlis perasmian sayap Wanita, Pemuda dan Puteri.

Sementara itu, Najib dalam sidang akhbar tersebut turut mengumumkan pemecatan Ketua Wanita UMNO Bahagian Gopeng, Datuk Hamidah Osman daripada jawatan dan keahlian parti kerana pelanggaran disiplin.

Menurut Perdana Menteri, tindakan tersebut diputuskan MT UMNO secara sebulat suara.

"Perkara-perkara lain ada dibincangkan tetapi kita tidak mengambil apa-apa keputusan," jelasnya.

Tambah beliau, MT juga mengambil keputusan mementingkan soal petjalanan parti dalam semua aspek antaranya supaya parti ini terus kukuh dan mendapat kepercayaan rakyat.

"Semua golongan mesti yakin bahawa UMNO sebuah parti yang berdiri pada soal keadilan, prinsip amalan yang baik dan mengambil

kira segala-gala kebaikan yang kita lakukan," ujaraya.

Dalam perkembangan sama, Najib menjelaskan mesyuarat MT hari ini yang diadakan di pekarangan bangunan Parlimen bukan sesuatu yang luar biasa.

"Kita perlu dekat dengan Parlimen, kalau ada undi belah bahagi, maka kita boleh pastikan kehadiran ahli-ahli Parlimen kita.

"Ini tidaklah sesuatu luar biasa kerana pembangkang pun pernah adakan pertemuan dan mesyuarat di tempat-tempat berdekatan Parlimen," katanya.